

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A(IV))1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

1. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam di Batu Uban, terutamanya dengan pembinaan stesen LRT Batu Uban yang dijadualkan siap pada tahun 2031?
 - (a) Bilakah projek LRT ini akan bermula?
 - (b) Senaraikan kontraktor-kontraktor tempatan (Pulau Pinang) yang mendapat projek.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pembinaan Stesen LRT Batu Uban yang dijadualkan siap pada tahun 2031, akan melibatkan pendekatan yang menyeluruh dan bersifat jangka panjang bertujuan meningkatkan kemudahan pengangkutan awam di Pulau Pinang. Beberapa langkah utama yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri dan MRT Corporation (MRTC) adalah seperti berikut:
 - (i) Reka bentuk stesen akan merangkumi kemudahan integrasi multimodal, termasuk laluan pejalan kaki berbumbung, bas perantara (feeder bus), tempat letak basikal dan sambungan dengan *e-hailing* serta perkhidmatan teksi;
 - (ii) Penambahbaikan laluan bas utama sedia ada oleh Rapid Penang apabila stesen LRT mula beroperasi bagi memastikan kesalinghubungan terakhir (last mile connectivity) yang lancar;

- (iii) Kemudahan *park-and-ride* juga akan diwujudkan yang akan membolehkan penduduk dari kawasan sekitar meletakkan kenderaan dan menggunakan pengangkutan awam ke pusat bandar;
- (iv) Kawasan Batu Uban juga dalam pertimbangan untuk dijadikan sebagai zon *Transit Oriented Development* (TOD), dengan pembangunan bercampur (*mixed-use development*) di sekitar stesen LRT seperti ruang komersial, kediaman bertingkat dan kemudahan awam. Matlamat TOD ini adalah untuk menggalakkan pembangunan berorientasikan pengangkutan, yang mengurangkan keperluan penggunaan kenderaan persendirian; dan
- (v) Jajaran LRT Laluan Mutiara juga akan berintegrasikan dengan mod pengangkutan yang lain seperti Terminal Bas KOMTAR, Terminal Bas dan perkhidmatan feri di Penang Sentral, Stesen KTM Komuter dan ETS di Butterworth, Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Disamping itu, ia akan disokong dengan perkhidmatan rangkaian bas bandar dan juga bas perantara (*feeder bus*).
- (a) Pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bersama pihak MRTC telah giat melaksanakan proses pengambilan tanah yang telah diwartakan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi lot-lot yang terlibat dengan jajaran LRT Segmen 1 iaitu dari Komtar ke Permatang Damar Laut. Kebenaran mengguna melibatkan tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC bagi 86 lot setakat ini. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan dibawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

- (b) Maklumat terperinci mengenai jumlah subkontraktor tempatan yang telah dilantik akan diumumkan oleh pihak pelaksana projek iaitu MRTC apabila proses pemilihan dan pelantikan selesai.

MRTC telah menganugerahkan Kontrak Sipil Utama 1 (CMC 1) kepada pihak SRS Consortium, di mana menerusi kontrak tersebut pihak MRTC telah menekankan bahawa keutamaan perlu diberikan kepada kontraktor tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

2. Apakah status terkini projek LRT Laluan Mutiara yang melalui Batu Uban?
 - (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan projek ini dilaksanakan dengan efisien dan tidak menjejaskan kehidupan penduduk setempat?
 - (b) Senaraikan kawasan-kawasan yang terabit dengan pengambilan tanah khususnya di Batu Uban.
 - (c) Apakah bentuk pampasan yang akan diberikan bagi pengambilan tanah?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Status terkini projek LRT adalah proses pengambilan tanah telah diwartakan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bersama pihak MRT Corporation (MRTC) bagi lot-lot yang terlibat dengan jajaran LRT Segmen 1 iaitu dari Komtar ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC bagi 86 lot setakat ini. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan di bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Pada masa yang sama projek LRT Laluan Mutiara yang merentasi kawasan Batu Uban kini berada dalam fasa persiapan awal di mana

salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan ialah pemindahan utiliti sedia ada, yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jejambat dapat dimulakan.

Pihak MRTC juga memaklumkan bahawa kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

- (a) Kerajaan Negeri bersama MRTC komited untuk memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar tanpa menjejaskan kehidupan penduduk setempat. Antara langkah yang diambil MRTC adalah termasuk mengadakan sesi libat urus dengan komuniti setempat bagi memastikan maklum balas dan kebimbangan penduduk diambil kira dalam perancangan projek serta merancang pelan pengurusan trafik yang komprehensif untuk mengurangkan gangguan semasa tempoh pembinaan.
- (b) Kawasan yang terlibat dengan pengambilan tanah di kawasan Batu Uban adalah Astaka Gelugor (medan selera) dan tanah-tanah Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang terlibat dengan jajaran LRT Laluan Mutiara.
- (c) Pampasan kepada pemilik tanah adalah dalam bentuk wang tunai di mana nilainya akan ditentukan oleh pihak Tribunal Tanah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

3. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani kesan penambakan terhadap nelayan tempatan dan sumber makanan marin, terutamanya di kawasan sekitar Batu Uban?
- (a) Nyatakan keluasan penambakan laut yang bakal dilaksanakan di Batu Uban bagi projek *Penang World City*.
- (b) Pihak manakah yang terlibat dengan projek pemajuan di kawasan ini. Senaraikan pemaju-pemaju tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira kebajikan komuniti nelayan tempatan serta kelestarian sumber makanan marin dalam setiap projek penambakan laut yang dilaksanakan, termasuk di kawasan sekitar Batu Uban.

Bagi projek di kawasan ini, pematuhan terhadap syarat-syarat Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) adalah satu keperluan yang perlu dipatuhi, termasuk pelaksanaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang mengandungi langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan kesan terhadap habitat marin dan aktiviti penangkapan ikan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen sosial, pemaju turut diwajibkan menjalankan sesi libat urus bersama komuniti nelayan setempat bagi mengenal pasti isu, kebimbangan dan keperluan yang berbangkit. Penilaian terhadap sebarang bentuk kerugian atau gangguan kepada aktiviti nelayan akan dilakukan bagi tujuan pemberian pampasan yang munasabah selaras dengan pemantauan

dan panduan agensi berkaitan seperti Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

- (a) Berdasarkan maklum balas daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), keluasan penambakan laut bagi Projek *Penang World City* di kawasan Batu Uban adalah seluas 57.60 ekar.
- (b) Pemajuan di kawasan sekitar Batu Uban melibatkan beberapa syarikat iaitu Mutiara Metropolis Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Tropicana Ivory Sdn. Bhd.) bagi *Projek Penang World City*, Mutiara Waterfront Habitats Sdn. Bhd. bagi Petak A1, Mutiara Biopolis Properties Sdn. Bhd. bagi Petak A2 dan Asia Green Ventures Sdn. Bhd. bagi Zon 1.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

4. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan komuniti setempat di Batu Uban terlibat dalam proses perancangan dan pelaksanaan projek mega bagi memastikan kepentingan mereka diambil kira?
 - (a) Senaraikan projek-projek yang telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan akan dilaksanakan di KADUN Batu Uban. Nyatakan pemaju dan jenis projek.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa prihatin dan mengambil beberapa pendekatan bagi memastikan penglibatan komuniti setempat di kawasan DUN Batu Uban dalam perancangan dan pelaksanaan projek mega. Berikut adalah pendekatan-pendekatan yang digunakan:

(i) Sesi Libat Urus

Mengadakan sesi libat urus melalui sesi dialog atau bengkel bersama pemegang taruh-pemegang taruh yang terlibat seperti jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi teknikal, ADUN kawasan dan komuniti setempat. Sesi libat urus ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas sebelum projek-projek tertentu dimulakan.

(ii) Kajian Impak Sosial / *Social Impact Assessment* (SIA)

Kajian Impak Sosial (SIA) merupakan proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka atau yang tidak dijangka berlaku, sama ada impak positif atau negatif yang terhasil daripada sesuatu langkah intervensi. SIA ini akan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada komuniti setempat bagi cadangan pembangunan yang hendak dilaksanakan. PLANMalaysia telah menubuhkan Panel Impak Sosial (SIA) bagi projek pembangunan sejak tahun 2016 sebagai inisiatif untuk memastikan pembangunan projek mega berjalan secara inklusif dan mampan.

(iii) Pengeluaran notis lot berjiran berdasarkan Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [AKTA 172]

Notis secara bertulis akan dikeluarkan kepada pemunya tanah berjiran bagi sesuatu Permohonan Kebenaran Merancang yang telah dikemukakan untuk sesebuah pembangunan. Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemunya akan hak mereka untuk mengemukakan sebarang bantahan dalam tempoh 21 hari dari tarikh notis itu disampaikan. Jika terdapat bantahan yang diterima, maka satu sesi pendengaran bantahan akan diadakan selepas tamatnya tempoh bantahan dibuat. Segala bantahan yang dibangkitkan akan diambil perhatian dan syarat-syarat sewajarnya akan dikenakan di peringkat Kebenaran Merancang kelak.

Senarai projek-projek berskala besar yang telah mendapat kelulusan PBT di KADUN Batu Uban daripada tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG YANG DILULUSKAN BAGI PROJEK DI KADUN BATU UBAN (N35) DARI TAHUN 2020 HINGGA 2025 (SEMAKAN HINGGA MAC 2025)

BIL	NO PM	TARIKH KEMUKA	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMAJU	TARIKH KELULUSAN	JENIS PROJEK
1	MBPP/ILCS-OSC/PM/70/2020	23/10/2020	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN 1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 31 TINGKAT (402 UNIT) DAN 1 TINGKAT BASMEN YANG MENDUNGKI : I. TEMPAT LETAK KENDERAAN 1 TINGKAT DI PARAS BASMEN DAN 5 TINGKAT DI PARAS 3-7 II. RUANG KOMERSIL KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT (23 UNIT) DI PARAS 1 & 2 III. KEMUDAHAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN 1 TINGKAT DI PARAS 8 IV. UNIT PANGSAPURI PERKHIDMATAN 23 TINGKAT DI PARAS 9-31 DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 20506 (LOT LAMA PT4013) & SEBAHAGIAN LOT 20378 (LOT LAMA PT 4039), BAYAN MUTIARA, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN MUTIARA BIOPOLIS DEVELOPMENTS SDN. BHD.	SBHG. LOT 20506 (LOT LAMA PT 4013) & SBHG. LOT 20378 (LOT LAMA PT 4039)	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	BAYAN MUTIARA	MUTIARA BIOPOLIS DEVELOPMENTS SDN. BHD.	05/05/2021	PANGSAPURI PERKHIDMATAN
2	MBPP/ILCS-OSC/PM/71/2020	23/10/2020	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN 1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 34 TINGKAT (340 UNIT) DAN YANG MENDUNGKI : I. TEMPAT LETAK KENDERAAN 7 TINGKAT DI PARAS 1-7 II. RUANG KOMERSIL KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT (20 UNIT) DI PARAS 1 & 2 III. KEMUDAHAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN 2 TINGKAT DI PARAS 8 & PARAS MEZZANINE IV. UNIT PANGSAPURI PERKHIDMATAN 25 TINGKAT DI PARAS 10-34 DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 20506 (LOT LAMA PT4013) & SEBAHAGIAN LOT 20378 (LOT LAMA PT 4039), BAYAN MUTIARA, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN MUTIARA BIOPOLIS DEVELOPMENTS SDN. BHD.	SBHG. LOT 20506 (LOT LAMA PT 4013) & SBHG. LOT 20378 (LOT LAMA PT 4039)	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	BAYAN MUTIARA	MUTIARA BIOPOLIS DEVELOPMENTS SDN. BHD.	05/05/2021	PANGSAPURI PERKHIDMATAN
3	MBPP/ILCS-OSC/PM/214/2021	12/11/2021	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEMBINA 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT (RESTORAN KONSEP PANDU LALU-QUICK SERVE RESTAURANT) UNTUK STESEN MINYAK SEDIA ADA DI ATAS LOT 20278 (LOT LAMA: LOT 7159), MUKIM 13, JALAN SUNGAI DUA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. UNTUK TETUAN : PETRONAS DAGANGAN BERHAD	20278 (LOT LAMA 7159)	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	JALAN SUNGAI DUA	PETRONAS DAGANGAN BERHAD	23/02/2022	RESTORAN PANDU LALU

Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPP

BIL	NO PM	TARIKH KEMUKA	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMAJU	TARIKH KELULUSAN	JENIS PROJEK
4	MBPP/ILCS-OSC/PM/395/2022	21/10/2022	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN :-</p> <p>FASA 1: 1 BLOK 33 TINGKAT DAN 1 TINGKAT 'BASEMENT' (200 UNIT) KONDOMINIUM YANG TERDIRI DARIPADA:- A) 1 TINGKAT 'BASEMENT' M&E DAN UTILITI SERTA 6 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN B) 2 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT C) 25 TINGKAT (200 UNIT) KONDOMINIUM</p> <p>FASA 2: 1 BLOK 40 TINGKAT DAN 2 TINGKAT 'LOWER GROUND' (383 UNIT) KONDOMINIUM YANG TERDIRI DARIPADA :- A) 1 TINGKAT 'LOWER GROUND' M&E DAN UTILITI B) 6 TINGKAT DAN 1 TINGKAT 'LOWER GROUND' TEMPAT LETAK KENDERAAN C) 2 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT D) MENARA A 32 TINGKAT (127 UNIT) KONDOMINIUM E) MENARA B 33 TINGKAT (256 UNIT) KONDOMINIUM</p> <p>DI ATAS LOT 8881, PERSIARAN BUKIT JAMBUL, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN PDC PROPERTIES SDN. BHD.</p>	8881	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	PERSIARAN BUKIT JAMBUL	PDC PROPERTIES SDN. BHD.	14/09/2023	KONDOMINIUM
5	MBPP/ILCS-OSC/PM/472/2023	14/04/2023	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN (169 UNIT) 20 TINGKAT YANG MENGANUNGI:</p> <p>I. 6 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN DI PARAS 1-6 II. 1 TINGKAT RUANG M&E DAN UTILITI DI PARAS 1 III. 1 TINGKAT KEDAI/PEJABAT (8 UNIT) DI PARAS 1 IV. 1 TINGKAT KEMUDAHAN ANSILIARI PANGSAPURI PERKHIDMATAN DI PARAS 7 V. 13 TINGKAT PANGSAPURI PERKHIDMATAN (169 UNIT) DI PARAS 8-20</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 20379 (LOT LAMA PT4038), PERSIARAN BAYAN INDAH, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN BIOPOLIS RESIDENCES SDN. BHD.</p>	SEBAHAGIAN LOT 20379 (LOT LAMA PT4038)	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	PERSIARAN BAYAN INDAH	BIOPOLIS RESIDENCES SDN. BHD.	10/10/2023	PANGSAPURI PERKHIDMATAN

Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPP

BIL	NO PM	TARIKH KEMUKA	CADANGAN PEMAJUAN	NO LOT	SEKSYEN/ MUKIM	BANDAR/ DAERAH	LOKASI	PEMAJU	TARIKH KELULUSAN	JENIS PROJEK
6	MBPP.OSC-PM127/2024	15/07/2024	<p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN:</p> <p>A) PARSEL 1 1 BLOK BANGUNAN HOTEL 30 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT MEZZANINE YANG MENGANDUNGI: I. 1 TINGKAT LOBI HOTEL, KEMUDAHAN REKREASI HOTEL DI PARAS 1 II. 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN DI PARAS 2 - 6 III. 6 TINGKAT KEMUDAHAN REKREASI HOTEL DAN RUANG MEKANIKAL DI PARAS 7, 8, 8M, 9, 28 DAN 29 IV. 18 TINGKAT HOTEL (350 BILIK) DI PARAS 10 - 27</p> <p>B) PARSEL 2 1 BLOK BANGUNAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN 38 TINGKAT DAN 1 TINGKAT BESMEN UTILITI (HAKMILIK STRATA) YANG MENGANDUNGI: I. 1 TINGKAT LOBI DI PARAS 2 DAN RUANG UTILITI DI PARAS BESMEN II. 10 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN DI PARAS 1 - 10 III. 1 TINGKAT KEMUDAHAN REKREASI DI PARAS 11 IV. 38 TINGKAT PANGSAPURI PERKHIDMATAN 371 UNIT (362 UNIT DAN 9 UNIT DUPLEX) DI PARAS 1 - 38</p> <p>C) PARSEL 3 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT JUALAN 1 TINGKAT (SEMENTARA 3 TAHUN) DI ATAS LOT PT 4162 (LOT LAMA 20304), PERSIARAN BAYAN MUTIARA 3, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN GENGAM MEKAR LAND SDN. BHD.</p>	PT 4162 (LOT LAMA 20304)	MUKIM 13 PAYA TERUBONG	DAERAH TIMUR LAUT	BAYAN MUTIARA	GENGAM MEKAR LAND SDN. BHD.	05/02/2025	HOTEL DAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN

Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPP

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Apakah status terkini Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan Batu Uban?
 - (a) Apakah langkah-langkah segera yang diambil untuk mengatasi isu banjir kilat yang sering berlaku di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kawasan Batu Uban berada di dalam jajaran Sungai Dua Besar. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia kini sedang melaksanakan kajian reka bentuk terperinci bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Dua Besar. Tender projek dijangka akan dikeluarkan pada tahun ini.
 - (a) Untuk mengatasi isu banjir kilat di kawasan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berkala secara tahunan di sepanjang sungai tersebut bagi memastikan aliran air tidak terganggu dan lancar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

6. Apakah tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap premis makanan di Batu Uban yang tidak mematuhi piawaian kebersihan?
- (a) Senaraikan tindakan yang diambil terhadap gerai pendatang asing.
- (b) Apakah rancangan PBT terhadap lambakan perniagaan warga asing di Jalan Rumbia, Bukit Jambul?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan menerusi pemantauan dan operasi secara berkala. Mana-mana premis atau establisymen makanan yang tidak mematuhi syarat pelesenan dan kebersihan akan dikenakan tindakan melalui Notis Tawaran Kompaun (NTK) berdasarkan Undang-Undang Kecil (Establisymen Makanan) MPPP 1991, mengikut kategori kesalahan.
- (a) Antara tindakan yang diambil terhadap gerai pendatang asing adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan kebersihan;
- (ii) Mengeluarkan notis amaran atau kompaun terhadap pemilik premis yang melanggar peraturan; dan

- (iii) Melakukan penutupan sementara atau pembatalan lesen perniagaan bagi kesalahan serius atau berulang.
- (b) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan di sekitar Jalan Rumbia, Bukit Jambul dan mendapati bahawa pemegang lesen bagi premis-premis tersebut merupakan warganegara tempatan, manakala pasangan mereka adalah warga asing.

Seterusnya, MBPP turut melaksanakan operasi secara bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan bagi memastikan premis-premis yang beroperasi tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam.

Selain itu, pemeriksaan premis yang dilakukan juga turut meliputi aspek tahap kebersihan, kewujudan sebarang halangan, gangguan kepada kawasan awam, serta keadaan tandas di dalam premis dan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti menurunkan papan iklan yang tidak berlesen serta mengenakan tindakan terhadap premis yang meletakkan halangan di kaki lima awam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Adakah kajian semula akan dilakukan terhadap sistem trafik di sekitar Lebuh Pekaka, Sungai Dua, Jalan Bukit Gambir dan Jalan Sultan Azlan Shah yang sering sesak, terutamanya pada waktu puncak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa membuat kajian terhadap sistem trafik di sekitar Lebuh Pekaka, Sungai Dua, Jalan Bukit Gambir dan Jalan Sultan Azlan Shah. Kajian impak lalu lintas akan disyaratkan bagi pemajuan baharu di kawasan-kawasan tersebut bagi menaik taraf sistem aliran lalu lintas sedia ada agar menjadi lebih lancar. Pada masa kini, satu projek dibawah RMK12-RP5 telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dimana status semasa projek tersebut adalah sedang dalam peringkat kajian awalan rekabentuk oleh JKR Malaysia. Kajian tersebut bertujuan untuk mendapatkan rekabentuk yang paling komprehensif dan menyeluruh bagi penyuraian trafik di Jalan Sultan Azlan Shah, Sungai Dua, Taman Pekaka serta kawasan sekitar. Manakala di Jalan Bukit Gambir, JKR akan menilai semula keperluan untuk membuat kajian semula sistem aliran trafik tersebut dalam masa terdekat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

8. Apakah status pembangunan Rumah Mampu Milik di tanah CMI di Jalan Sungai Dua?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pemaju swasta untuk membangunkan tanah tersebut?
 - (b) Berapakah nilai semasa tanah tersebut di pasaran?
 - (c) Jelaskan sebab kelewatan pembangunan di tanah tersebut yang sepatutnya dimulakan pada tahun lepas.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pada tahun 2019, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah meluluskan cadangan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) di atas Lot 9117 dan 20113, Mukim 12, Daerah Timur Laut oleh Hamna Sdn. Bhd. (HSB). Pada tahun 2021, pihak HSB mencadangkan pelaksanaan usaha sama (joint venture) dengan syarikat pemaju Citra Hartamas Sdn. Bhd. (CHSB) bagi pembangunan tersebut dan cadangan ini telah dipersetujui oleh PBN melalui perancangan untuk menandatangani Perjanjian Pembangunan Bersama (Joint Development Agreement - JDA).

Walau bagaimanapun, sehingga kini, JDA tersebut masih belum ditandatangani berikutan cadangan daripada pihak HSB dan CHSB untuk menukar komponen pembangunan daripada RMM kepada pangsapuri perkhidmatan serta penambahan komponen pembangunan lain. Selain itu, HSB turut mencadangkan syarikat pemaju baharu bagi menggantikan CHSB sebagai rakan

usahasama. Cadangan ini kini dalam proses pertimbangan oleh PBN.

- (a) Kerajaan Negeri masih akan bekerjasama dengan HSB bagi memastikan cadangan pembangunan di atas lot tanah tersebut dapat dilaksanakan.
- (b) Berdasarkan nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada tahun 2019, nilai tanah tersebut adalah sebanyak RM2,800.00 per meter persegi. Nilai semasa kini masih dijalankan oleh JPPH dan dianggarkan telah meningkat kepada RM3,000.00 per meter persegi.
- (c) Projek ini pada asalnya dijadualkan bermula pada tahun 2024. Namun, kelewatan berlaku berikutan penamatan kontrak oleh HSB terhadap rakan usahasama (CHSB). Susulan itu, JDA tidak dapat dimuktamadkan dan secara tidak langsung menyebabkan projek tertangguh. Kini, HSB telah mencadangkan pemaju baharu sebagai rakan usahasama untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Terma dan syarat baharu JDA perlu diteliti semula serta peningkatan nilai pasaran tanah juga perlu diambil kira.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

9. Apakah bantuan modal atau latihan yang ditawarkan Kerajaan Negeri kepada peniaga kecil dan usahawan IKS di Batu Uban?
- (a) Senaraikan IKS Batu Uban yang mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri.
 - (b) Nyatakan program-program bagi membantu usahawan ini menerokai pasaran baharu.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Bantuan modal atau latihan yang ditawarkan melalui pelbagai agensi adalah terbuka kepada semua termasuklah usahawan IKS di Batu Uban seperti program-program berikut:
- (i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) dengan nilai bantuan alatan sebanyak RM3,000.00;
 - (ii) Skim Pinjaman Harapan (SPH) berbentuk pinjaman perniagaan. Skim ini diwujudkan sebagai satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil. SPH menawarkan pinjaman tanpa cagaran dengan jumlah pinjaman antara RM5,000.00 sehingga RM50,000.00;
 - (iii) Pelbagai jenis kursus masakan, jahitan, gunting rambut, gubahan bunga dan lain-lain melalui Program Modal Insan yang dianjurkan oleh kesemua Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pulau Pinang;

- (iv) Kursus kesedaran keperluan pensijilan halal dan pengurusan permohonan pensijilan halal melalui Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIPP;
 - (v) Penang Woman Development Corporation (PWDC) melaksanakan Program *Penang Women Entrepreneur Mentoring Program* serta Wanita Jana Rezeki yang berteraskan pembinaan kapasiti dan penyediaan platform bagi wanita menjana pendapatan melalui aktiviti serta kursus keusahawanan; dan
 - (vi) Pelbagai kursus keusahawanan seperti Kursus Perakaunan dan Percukaian, kursus Kepintaran Buatan (AI) untuk perniagaan dan Kursus Tik Tok untuk perniagaan melalui Penang Development Corporation.
- (a) Senarai IKS Batu Kawan yang mendapat bantuan negeri adalah melalui Skim Pinjaman Harapan (SPH). Berdasarkan rekod PDC, terdapat lima (5) orang peminjam SPH di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Uban seperti perincian di **LAMPIRAN A** dengan jumlah pinjaman sebanyak RM115,000.00.
 - (b) Antara program-program bagi membantu usahawan meneroka pasaran baru adalah seperti berikut:
 - (i) Program Jelajah Pulau Pinang di pelbagai negeri dengan kerjasama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputra Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pulau Pinang (FAMA) sebagai agensi pelaksana. Jelajah Pulau Pinang@Melaka telah dilaksanakan di Melaka pada 27 – 29 Disember 2024 dengan memperkenalkan makanan ikonik serta produk usahawan Pulau Pinang. Beberapa siri Program Jelajah Pulau Pinang akan dilaksanakan lagi pada tahun ini dan penganjuran seterusnya akan diadakan pada penghujung Mei 2025;
 - (ii) Kerajaan Negeri di bawah MMK Pembangunan Usahawan juga menganjurkan program **TREND**

Marketplace sebagai platform promosi dalam meneroka pasaran baharu khususnya di Pulau Pinang. Program yang diadakan 2-3 kali sebulan di pelbagai lokasi seperti KOMTAR, pejabat-pejabat agensi seperti LHDN, KWSP dan kilang-kilang sekitar Negeri Pulau Pinang dapat menjadi medium dan platform yang baik untuk usahawan mempromosikan produk-produk mereka;

- (iii) Kerajaan Negeri melalui Pejabat TREND juga berkolaborasi bersama PWDC dalam penganjuran Bazar Orang Kita yang diadakan di Terminal Cruise Swettenham Pier Pulau Pinang di mana pasaran sasaran merupakan penumpang dan pelancong kapal-kapal yang berlabuh di sana;
- (iv) Kerajaan Negeri juga menyokong penuh program yang dianjurkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan menyertai Program Showcase Satu Daerah Satu Industri Wilayah Borneo yang diadakan di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, Sabah pada 9 Mei sehingga 11 Mei 2025 dengan penyertaan tiga (3) orang usahawan dari Negeri Pulau Pinang; dan
- (v) Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) juga telah menganjurkan Penang Halal International Expo (PIHEX) 2024 yang memperkenalkan produk-produk usahawan negeri kepada pengunjung serta usahawan dari dalam dan luar negara selain menyertai Malaysia International Halal Showcase 2024 (MIHAS) dan Selangor International Halal Expo (SELHAC) 2024 dengan kerjasama bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

LAMPIRAN A**SENARAI PEMINJAM SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) DI DUN BATU UBAN**

BIL	DUN	NAMA	JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1	Batu Uban	Farman Bin Zamin	Pakaian	25,000.00
2	Batu Uban	Abdul Faizal Bin Abdul Jabbar	Makanan/Minuman	15,000.00
3	Batu Uban	Gooi Nel Shen	Makanan/Minuman	25,000.00
4	Batu Uban	Nazlina Binti Abdul Jabbar	Makanan/Minuman	25,000.00
5	Batu Uban	Julian Kow Chie Liang	Barang Runcit	25,000.00
JUMLAH				115,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Apakah usaha atau pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyediakan inisiatif khas untuk membantu perniagaan kecil tempatan (pasar malam, penjaja, dan lain-lain) untuk beralih ke platform digital?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan peniaga kecil tempatan tidak terus ketinggalan di dalam arus pendigitalan perniagaan. Antara usaha yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:-
- (a) Melaksanakan Inisiatif Tanpa Tunai Di Pasar Awam Seluruh Negeri Pulau Pinang;
 - (b) Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) melaksanakan sesi Taklimat Program Transformasi Peniaga Kecil dan *Micro, Small and Medium Enterprises* (MSMEs) pada 11&12 November 2024 dimana penyedia perkhidmatan kewangan telah menyampaikan taklimat kepada para peniaga untuk mempromosikan pelaksanaan inisiatif tanpa tunai kepada MSME (*Micro, Small & Medium Enterprise*) di Pulau Pinang. Melalui program ini, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membekalkan sebanyak 400 unit *sound box* secara percuma kepada peniaga dan penjaja yang mendaftarkan perniagaan mereka dengan PBT serta memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi menggalakkan para peniaga menggunakan platform digital;

- (c) Program *e-invoicing*, *The Sustainable Accelerator*, dan *MSMEs LevelUp Programme* dengan kerjasama Think City, Malaysia Productivity Corporation (MPC) and Agape oleh Digital Penang Sdn. Bhd.;
- (d) Digital Penang menjalinkan kerjasama strategik dengan pemain industri utama seperti Maxis dan Lazada untuk mempercepat transformasi digital bagi PKS Mikro, Kecil dan Sederhana (PKSM). Melalui kerjasama ini, Maxis menyediakan penyelesaian digital seperti Maxis Business, sambungan mudah alih 5G, dan perkhidmatan fiber untuk menyokong PKSM dalam meningkatkan penggunaan digital. Selain itu, Maxis turut menawarkan program komuniti eKelas Usahawan, iaitu program pemasaran digital percuma yang melengkapkan usahawan dan perniagaan kecil, terutamanya dari segmen B40, dengan alatan dan kemahiran digital asas untuk mewujudkan kehadiran digital yang lebih kukuh;
- (e) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN);
- (f) Penggunaan platform SPEEDBiz dan uLesen oleh PBT bagi memudahkan peniaga kecil, penjaja, dan pemilik premis menguruskan lesen perniagaan mereka secara dalam talian; dan
- (g) Pelaksanaan Sistem Sewaan Gerai MBSP yang merupakan platform digital oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk memudahkan urusan permohonan, pengurusan, dan pembaharuan sewaan gerai milik pihak berkuasa tempatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

11. Apakah bentuk penyertaan yang disediakan kepada kontraktor kecil, pembekal tempatan atau vendor dalam pelaksanaan projek mega seperti LRT atau pembangunan Pulau Silikon?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Maklumat terperinci mengenai bentuk penyertaan kepada kontraktor kecil, pembekal tempatan atau vendor bagi pelaksanaan projek Light Rail Transit (LRT) Laluan Mutiara akan diumumkan oleh pihak pelaksana projek iaitu Mass Rapid Transit Corporation Sendirian Berhad (MRTC) apabila proses pemilihan dan pelantikan selesai.

Selain itu, pihak MRTC telah menganugerahkan Kontrak Sivil Utama 1 (CMC 1) kepada pihak SRS Consortium, di mana menerusi kontrak tersebut pihak MRTC telah menekankan bahawa keutamaan perlu diberikan kepada kontraktor tempatan.

Manakala bagi Pembangunan Pulau Silikon, Kerajaan Negeri selaku penggerak projek bagi pembangunan Silicon Island sentiasa memberi keutamaan terhadap penyertaan dan penglibatan kontraktor kecil, pembekal atau vendor tempatan. Sehingga akhir bulan Mac 2025, sebanyak RM1.57 bilion nilai kontrak secara keseluruhan telah ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam pembangunan Silicon Island. Antaranya kerja-kerja ditawarkan adalah seperti berikut:-

- (a) Pembinaan jeti nelayan;
- (b) Pembinaan dan penghasilan bot nelayan;

- (c) Pembinaan dan pengubahsuaian Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN); dan
- (d) Pembekal makanan (*catering*).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

12. Adakah Kerajaan Negeri bercadang membina ruang niaga komuniti kekal di kawasan padat seperti Pekaka, Bukit Jambul dan Sungai Dua bagi membantu peniaga kecil?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri sememangnya cakna dan prihatin akan permasalahan yang dihadapi oleh peniaga kecil antaranya keupayaan mendapatkan ruang niaga yang bersifat kekal bagi kelangsungan perniagaan yang terjamin.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MPBB) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tiada cadangan untuk membina ruang niaga komuniti kekal di kawasan Pekaka, Bukit Jambul dan Sungai Dua atas sebab kekangan ruangan serta tanah yang terhad. Walau bagaimanapun, kawasan-kawasan ini pesat dengan ruang niaga persendirian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

13. Apakah status terkini projek LRT Mutiara yang melalui kawasan Batu Uban?
- (a) Bilakah jangkaan fasa siap (konkrit)?
 - (b) Apakah jenis kerja utama yang sedang dijalankan?
 - (c) Berapakah jumlah kontraktor yang telah dilantik termasuk kontraktor utama dan subkontraktor tempatan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Status terkini projek LRT adalah proses pengambilan tanah telah diwartakan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bersama pihak MRT Corporation (MRTC) bagi lot-lot yang terlibat dengan jajaran LRT Segmen 1 iaitu dari Komtar ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC bagi 86 lot setakat ini. Selain itu, langkah-langkah bagi kerja awal sedang diusahakan selepas mendapat kelulusan dibawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Pada masa yang sama projek LRT Laluan Mutiara yang merentasi kawasan Batu Uban kini berada dalam fasa persiapan awal di mana salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan ialah pemindahan utiliti sedia ada, yang perlu diselesaikan terlebih dahulu

sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jambatan dapat dimulakan.

Pihak MRTC juga memaklumkan bahawa kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2025, manakala pembinaan berskala besar dijangka bermula pada suku keempat tahun 2026.

- (a) Pihak MRTC memaklumkan bahawa projek ini dirancang untuk siap sepenuhnya dan mula beroperasi menjelang Disember 2031.
- (b) Pada masa ini, kerja-kerja utama yang sedang dijalankan melibatkan:
 - i. Pemenuhan syarat-syarat pasca-anugerah kontrak oleh SRS Consortium Sdn Bhd sebelum Notis Untuk Mula Kerja (*Notice to Proceed*) dikeluarkan oleh MRT Corporation;
 - ii. Proses-proses pengambilan tanah yang disusuli lanjutan pewartaan bagi Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960; dan
 - iii. Persiapan awal untuk salah satu aspek penting dalam kerja-kerja pra-pembinaan iaitu pemindahan utiliti sedia ada, yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja pembinaan stesen atau jambatan dapat dimulakan.
- (c) SRS Consortium Sdn. Bhd. telah dianugerahkan kontrak reka bentuk dan pembinaan untuk kerja-kerja sivil dan struktur bagi segmen pertama projek ini iaitu dari Komtar ke Pulau Silikon oleh pihak MRTC. Menerusi kontrak tersebut, pihak MRTC telah mensyaratkan agar keutamaan harus diberikan kepada kontraktor tempatan. Pelantikan bagi subkontraktor masih belum dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

14. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan hospital kerajaan di Pulau Pinang dilengkapi dengan peralatan perubatan yang canggih dan terkini, terutamanya bagi rawatan penyakit serius seperti kanser, strok dan penyakit jantung?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan berusaha bersama syarikat swasta bagi projek CSR?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Keperluan peralatan perubatan hospital kerajaan di Negeri Pulau Pinang sentiasa dipantau oleh pihak pengurusan hospital itu sendiri. Setiap peralatan yang diperlukan akan dimohon oleh pihak hospital melalui sistem *Medical Programme Information System* (MPIS). Namun demikian, jika terdapat keperluan mendesak, hospital melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) akan membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar diberikan keutamaan kelulusan.

Pada tahun ini, KKM telah memberikan peruntukan khas berdasarkan kapasiti setiap hospital untuk menentukan sendiri peralatan yang ingin dipohon dan kelulusan telah pun diberikan oleh KKM pada 21 April 2025.

- (a) JKNPP sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan agensi swasta dan NGO bagi projek CSR. Sebagai contoh, pada tahun ini, JKNPP telah bekerjasama dengan hospital swasta di Pulau Pinang bagi projek CSR mereka untuk rawatan *radiotherapy* bagi pesakit kanser di Hospital Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

15. Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur kesihatan, terutamanya untuk Klinik Kesihatan di KADUN Batu Uban dan hospital-hospital utama di Pulau Pinang dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Peruntukan Naik Taraf dan Pembaikan Infrastruktur di Kawasan DUN Batu Uban pada tahun 2022 hingga 2025 adalah seperti berikut:

Klinik Kesihatan	Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)
Klinik Kesihatan Sg. Dua	2022	18,650.00
Klinik Pergigian Sg. Dua	2022	35,485.00
	2023	30,000.00
	2024	4,500.00
Kuarters Batu Uban	2025	1,000,000.00

Manakala jumlah perbelanjaan naik taraf dan pembangunan bagi hospital-hospital di Pulau Pinang bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM5,567,000.00, tahun 2024 berjumlah RM2,525,000.00 dan tahun 2025 berjumlah RM3,068,316.00.

Bagi jumlah kos peruntukan bagi projek pembangunan hospital yang berstatus projek siap sepenuhnya adalah seperti *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya berjumlah RM486.20 juta dan projek yang sedang dalam pembinaan adalah Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang berjumlah RM307.04 juta serta Blok Pakar Hospital Pulau Pinang berjumlah RM428.00 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

16. Permintaan vs penawaran Rumah Mampu Milik. Adakah kajian permintaan dan penawaran perumahan di Batu Uban telah dilakukan?

(a) Nyatakan hasil dan pelan tindakannya.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Berikut merupakan perbandingan antara permintaan dan penawaran Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) di KADUN Batu Uban bagi tempoh lima (5) tahun terkini:

JENIS RMKu	BANGSA	PERMINTAAN	PENAWARAN
RMKu A	MELAYU	54	42
	CINA	14	11
	INDIA	11	10
	LAIN-LAIN	1	1
JUMLAH		80	64
RMKu B	MELAYU	70	46
	CINA	50	37
	INDIA	35	15
	LAIN-LAIN	3	1
JUMLAH		158	99
RMKu C1	MELAYU	15	0
	CINA	22	1
	INDIA	6	0
	LAIN-LAIN	0	0

JUMLAH		43	1
RMKu C2	MELAYU	26	13
	CINA	20	3
	INDIA	4	1
	LAIN-LAIN	2	1
JUMLAH		52	18
RMKu C3	MELAYU	207	202
	CINA	276	209
	INDIA	97	87
	LAIN-LAIN	5	6
JUMLAH		585	504
JUMLAH KESELURUHAN		918	686

Jadual 1: Perincian perbandingan antara permintaan dan tawaran mengikut jenis RMKu dan bangsa di KADUN Batu Uban bagi tempoh lima (5) tahun terkini.

Secara khususnya, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengambil inisiatif mendigitalkan permohonan RMKu secara atas talian sepenuhnya bagi tujuan kajian serta analisis data permohonan dan penawaran melibatkan RMKu.

- (a) Hasil analisis data permohonan dan penawaran yang dilaksanakan, LPNPP telah mengenal pasti beberapa pembangunan projek di KADUN Batu Uban yang melibatkan sebanyak **279** unit RMKu yang masih dalam perancangan diperingkat Kebenaran Merancang seperti di **Jadual 2** berikut:

BIL.	TAHUN	TAJUK PROJEK	PEMAJU	LOKASI	JENIS RMKu	BIL. UNIT
1.	2017	BELUM DIMUKTAMATKAN	GAMBIER SANCTUARY SDN. BHD.	DI ATAS LOT 2920, PT 3986, DAN SEBAHAGIAN LOT 2921 & LOT 292, JALAN BUKIT GAMBIER, SUNGAI DUA, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT,	B	194

				PULAU PINANG		
2.	2017	BELUM DIMUKTAMATKAN	TETUAN MPSB VENTURE SDN. BHD.	DI ATAS LOT 1555 (LOT BARU 6400), PERSIARAN BUKIT GAMBIR 1, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT	A	85
JUMLAH						279

Jadual 2: Perincian projek fasa Kebenaran Merancang dan dalam perancangan di KADUN Batu Uban sehingga tarikh berakhir 20 April 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

17. Adakah terdapat pelan perumahan jangka panjang (2025-2035) untuk Batu Uban yang merangkumi komponen *transit-oriented development* (TOD), kawasan hijau dan integrasi kemudahan awam?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Bagi KADUN Batu Uban, pelaksanaan pembangunan Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik adalah sebanyak 6,341 unit iaitu 3,115 unit telah siap dibina, 2,278 unit sedang dibina dan 948 unit dalam peringkat perancangan.

Pembangunan berorientasikan *Transit-Oriented Development* (TOD) telah diketengahkan bagi tujuan perancangan bandar yang lebih baik. TOD ialah konsep pembangunan bandar yang memaksimumkan jumlah ruang kediaman, perniagaan dan riadah kawasan lapang untuk jarak berjalan kaki dengan pengangkutan awam.

Di Kawasan DUN Batu Uban, terdapat cadangan pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (PSB) dengan mengambil kira usia bangunan dan lokasinya yang terletak berdekatan dengan laluan pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) di Pulau Pinang. Cadangan Projek PSB dengan menggunakan konsep TOD tersebut adalah di Flat Desa Permai Indah, Sungai Dua, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

18. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan lampu isyarat pintar dipasang di KADUN Batu Uban dan adakah ia termasuk dalam pelan *Smart Penang*?
- (a) Nyatakan lokasi-lokasi CCTV di KADUN Batu Uban.
- (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan pelintas jalan kaki terutamanya di kawasan sekolah selamat digunakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pada masa kini, sebanyak 33 persimpangan di Tanjung Tokong, Tanjung Bungah dan Bayan Baru telah dipasang dengan sistem lampu isyarat pintar. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merancang untuk memperluaskan pemasangan lampu isyarat pintar ini ke seluruh pulau, termasuk DUN Batu Uban sebagai sebahagian daripada pelan *Smart Penang*.
- (a) Terdapat 12 lokasi kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di KADUN Batu Uban dengan jumlah keseluruhan sebanyak 31 buah kamera seperti berikut:

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
1	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2
2	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	2

BIL.	LOKASI CCTV	BILANGAN CCTV (UNIT)
3	Persimpangan Jalan Bukit Gambir/ Jalan Rumbia	2
4	Persimpangan Jalan Rumbia/ Lorong Relau 2	2
5	Persimpangan Jalan Tun Dr Awang/ Jalan Kampung Relau	3
6	Persimpangan Lebuah Bukit Jambul/ Persiaran Bukit Jambul	3
7	Persimpangan Jalan Sungai Dua/ Lorong Sungai Dua	3
8	Jalan Sultan Azlan Shah (Berdekatan SJK (C) Kwang Hwa)	3
9	Jalan Bukit Gambir (Berdekatan Pintu Masuk USM)	3
10	Persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah/Jalan Sungai Dua	4
11	Persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/ Jalan Batu Uban	3
12	Berdekatan Pintu Masuk Kompleks Bukit Jambul	1
JUMLAH		31

- (b) Bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan sekolah, sejumlah 53 lampu isyarat pejalan kaki dan 16 lampu jenis *flashing* telah dipasang. Lampu-lampu ini bertujuan untuk memberikan amaran kepada pengguna jalan raya tentang kehadiran pelintas pejalan kaki, terutamanya pelajar sekolah.

Selain itu, MBPP merancang beberapa langkah untuk memastikan keselamatan pelintas pejalan kaki terutama di kawasan sekolah seperti berikut:

- (i) Menyediakan peronda yang akan mengawal lalu lintas dan keselamatan para pelajar ketika melintas jalan, terutama semasa waktu persekolahan;

- (ii) Menggalakkan ibu bapa untuk membantu para pelajar dalam menggunakan lintasan pejalan kaki seterusnya meningkatkan kesedaran keselamatan;
- (iii) Pemasangan papan tanda yang memberi amaran kepada pemandu, seperti Kanak-kanak Melintas di Hadapan, Sekolah di Hadapan dan Sila Perlahankan Kenderaan bagi mengingatkan mereka untuk lebih berhati-hati;
- (iv) Penambahbaikan seperti penyediaan *transverse bar*, pemasangan *bollard* dan menaik taraf lintasan pejalan kaki dengan pelantar kelajuan jika perlu. Langkah ini bertujuan untuk memastikan keselamatan lebih terjamin di kawasan sekolah;
- (v) Penyediaan ruang menurun khusus untuk pelajar yang ingin turun atau naik dari kenderaan dengan lebih mudah dan selamat; dan
- (vi) Kawalan lalu lintas secara berkala oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPP dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) semasa waktu persekolahan bagi memastikan kelancaran dan keselamatan lalu lintas di sekitar kawasan sekolah.

Langkah-langkah yang diambil ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan-kawasan yang sering dilalui oleh pelajar sekolah. Inisiatif seperti pemasangan CCTV, lampu isyarat dan kawalan lalu lintas di sekitar kawasan sekolah adalah penting bagi mengelakkan kemalangan dan memastikan pelajar dapat melintas jalan dengan selamat. Keselamatan di jalan raya adalah tanggungjawab bersama dan usaha ini memerlukan kerjasama antara pihak berkuasa, ibu bapa serta pengguna jalan raya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

19. Berapakah nilai bantuan kewangan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada fakir miskin dan golongan asnaf di kawasan Batu Uban dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini?
- (a) Jelaskan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membasmi kemiskinan.
- (b) Nyatakan jumlah penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di KADUN Batu Uban.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Nilai bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada fakir miskin dan golongan asnaf di kawasan Batu Uban adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Zakat Pulau Pinang	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
1.	2023	RM1,420,944.84	RM1,865,400.00
2.	2024	RM1,590,847.65	RM1,893,600.00

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah strategik dan bersasar dalam usaha menangani kemiskinan bandar. Antara inisiatif-inisiatif yang diambil adalah:
- (i) Memperkenalkan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sejak Mac 2009 sebagai satu bentuk bantuan kewangan bulanan untuk membantu isi rumah miskin.

Bermula September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan dijenamakan semula sebagai **Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES)** bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus dan pengagihan bantuan.

- (ii) Mulai 1 Januari 2025, kadar BAES telah dinaikkan daripada RM260 kepada RM322 sebulan bagi menyokong usaha pembasmian kemiskinan tegar di negeri ini. Setiap permohonan yang layak akan menerima bantuan antara RM100 (minimum) hingga RM1,300 (maksimum) sebulan.

Berikut merupakan statistik pelaksanaan BAES mengikut kadar RM322 dari Januari 2025 sehingga April 2025:

Bulan	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Januari	890	RM428,712.00
Februari	896	RM435,811.00
Mac	884	RM437,573.00
April	885	RM450,487.00

Perbezaan perbelanjaan seperti berikut :

Perbezaan Perbelanjaan	Kadar	Bilangan Kes	Jumlah Bayaran
Disember 2024	RM260	895	RM418,100.00
April 2025	RM322	885	RM450,487.00
Kenaikan Jumlah Bayaran			RM32,387.00

Terdapat trend peningkatan jumlah bayaran bulanan, selari dengan kenaikan kadar bantuan dan pertambahan jumlah kes aktif. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan tiada isi rumah yang terpinggir daripada jaringan perlindungan sosial.

- (iii) **Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan)** di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, Bantuan Peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

- (iv) Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas menerusi **Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin** di bawah Program MMK Pembangunan Luar Bandar. Program ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 merupakan usaha Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan golongan miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

- (b) Setakat April 2025, jumlah penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) bagi KADUN Batu Uban adalah seramai **368 orang**.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

20. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani kesesakan yang semakin meningkat di hospital-hospital awam seperti Hospital Pulau Pinang, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam, terutamanya di unit kecemasan?
- (a) Apakah perancangan untuk menambah jumlah fasiliti perubatan di unit ICU dan wad pesakit dalam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani kesesakan di hospital awam, khususnya di unit kecemasan. Antara langkah-langkah tersebut adalah:
- (i) Projek pembinaan blok baharu serta Jabatan Kecemasan dan Trauma di Hospital Seberang Jaya bagi menampung keperluan di Kawasan Seberang Perai;
- (ii) Audit Dalaman & Penilaian Semula sentiasa meneliti keberkesanan inisiatif sedia ada dan mencari penyelesaian bersama dengan Pengarah Kesihatan Negeri serta hospital;
- (iii) Pemerkasaan *Lean Healthcare* bagi mengoptimumkan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tidak memberi nilai tambah serta mempercepatkan rawatan pesakit;
- (iv) Pendigitalan Unit Pengurusan Katil (BMU) bagi menguruskan aliran pesakit secara berpusat untuk mempercepatkan kemasukan, discaj dan pemindahan pesakit;

- (v) Pengalihan Kes Bukan Kecemasan ke klinik kesihatan bagi mengurangkan beban Jabatan Kecemasan dengan merawat kes ringan di klinik kesihatan; dan
- (vi) Memperkasakan komuniti dengan maklumat tentang perkhidmatan kesihatan dan kepentingan mendapatkan rawatan awal.
- (a) Perancangan penambahan fasiliti Unit Rawatan Rapi & wad pesakit, beberapa projek pembangunan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sedang dilaksanakan dan dirancang. Antaranya ialah:
 - (i) Dua buah projek pembangunan sedang dibangunkan iaitu projek Blok Wanita & Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang dan projek Blok Pakar Hospital Pulau Pinang; dan
 - (ii) Tiga projek pembangunan yang sedang dalam penelitian dan dalam perancangan iaitu projek *multistorey* Hospital Kepala Batas, pembinaan Blok Baharu Hospital Bukit Mertajam dan juga Hospital Sungai Bakap.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

21. Senaraikan perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong luar negara ke Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah pelancong luar negara yang melawat Pulau Pinang pada tahun 2024 dan senaraikan negara pelancong tersebut.
 - (b) Berikan jumlah penumpang yang menggunakan penerbangan IndiGo.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan penerbangan terus ke Bali?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menarik pelancong luar negara ke Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan promosi antarabangsa secara agresif melalui agensi-agensinya dengan menyertai pameran dan ekspo antarabangsa serta menganjurkan jelajah promosi bersama sektor swasta ke negara sasaran seperti China, India dan Asia Tenggara. Kerajaan Negeri turut terlibat dalam misi promosi luar negara bersama Tourism Malaysia;
 - (ii) Bekerjasama dengan Syarikat Penerbangan & *Online Travel Agency* (OTA) untuk promosi pakej pelancongan dan laluan terus ke Pulau Pinang;

- (iii) Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang akan menambah kapasiti penumpang daripada 6.5 juta kepada 12.0 juta menjelang 2028 dan mendorong pembukaan laluan terus dari destinasi baharu;
 - (iv) Pengagihan pelancongan ke kawasan luar bandar dengan mempelbagaikan tarikan pelancongan agro, eko dan warisan budaya. Antara kempen yang dijalankan adalah seperti promosi Seberang Perai dan Balik Pulau melalui kempen seperti "*Opposite Side of the Island*" dan "*The Other Side of the Island*";
 - (v) Sokongan kepada Ekopelancongan dan Inap Desa dengan mempromosi lokasi seperti Kampung Agong, Penaga dan Taman Rimba Teluk Bahang;
 - (vi) Mempromosi Penang sebagai pusat pelancongan perubatan terkemuka di rantau ini serta kempen digital dan mempengaruhi. Kolaborasi dengan mempengaruhi antarabangsa dan penerbitan digital untuk promosi visual yang lebih menarik; dan
 - (vii) *Familiarisation Trips (FAM Trips)* untuk agensi pelancongan, media dan *influencer* dari luar negara dan promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan kesihatan bertaraf dunia, dengan hospital swasta terkemuka.
- (a) Berdasarkan rekod imigresen, bagi tempoh Januari hingga Disember 2024, seramai 1,902,755 orang pelancong asing telah memasuki Pulau Pinang melalui ketibaan antarabangsa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Angka ini tidak merangkumi ketibaan pelancong asing melalui penerbangan domestik, darat atau laut. Antara sepuluh negara teratas yang mencatatkan jumlah ketibaan tertinggi ialah Indonesia, Singapura, China, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun dan negara-negara Komanwel yang lain. Senarai sepuluh negara teratas yang mencatatkan jumlah ketibaan tertinggi dan bilangan pelancong yang tiba adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Purata *load factor* bagi penerbangan terus ke India (Chennai - Pulau Pinang) sejak 21 Disember 2024 hingga Mac 2025 adalah sebanyak 70%.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism (PGT) sedang berbincang dengan syarikat penerbangan untuk menyambung semula laluan penerbangan terus antara Pulau Pinang dan Bali.

LAMPIRAN A**SEPULUH (10) NEGARA BILANGAN PELANCONG TERTINGGI
MELALUI PINTU MASUK LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
PULAU PINANG TAHUN 2024**

Bil	Kewarganegaraan	Bilangan Pelancong
1	Indonesia	369,088
2	Singapura	177,882
3	China	120,245
4	Taiwan	42,035
5	Thailand	30,589
6	Amerika Syarikat	21,422
7	United Kingdom	19,707
8	Australia	17,699
9	Jepun	15,243
10	Lain-lain Negara Komanwel	12,443

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

22. Apakah kadar pengangguran belia di Pulau Pinang?
- (a) Apakah usaha khusus Kerajaan Negeri untuk menanganinya?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan statistik PERKESO, bagi tempoh 2025, jumlah belia yang kehilangan pekerjaan direkodkan di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 1,450 iaitu mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, pada tempoh yang sama, seramai 4,019 belia di Negeri Pulau Pinang telah mendapat pekerjaan.
- (a) Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang strategik bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia mengikut kelayakan mereka. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan karnival kerjaya kepada pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh 2024 sehingga 2025 sebanyak 140 Program Karnival Kerjaya telah berjaya dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam portal *MYFutureJobs* yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dengan padanan mengikut kelayakan pemohon;

- (iii) Menyediakan lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan seperti UTC KOMTAR, Pusat Komuniti Desa Selamat dan NADI Taman Gelugor Indah;
- (iv) Melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya yang merupakan platform untuk membantu meningkatkan *soft skills* pelajar seperti persediaan dan perancangan pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi;
- (v) Kerjasama antara pihak PYDC bersama PERKESO bagi membuka pameran kerjaya ketika program PYDC berlangsung seperti Program Jelajah Belia, Santai Anak Utara, Belia Aspirasi dan sebagainya; dan
- (vi) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang juga turut mengadakan program bagi belia di negeri ini mencari pekerjaan seperti *Beginners Website Development Workshop, Mastering Ads Manager, Syawal Cookie Baking Workshop* dan lain-lain lagi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasa sekolah-sekolah agama dan pondok di Batu Uban, termasuk dalam aspek fasiliti, tenaga pengajar dan kemudahan pembelajaran?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Dalam memperkasa sekolah-sekolah agama dan pondok di Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan Batu Uban, pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Menyediakan peruntukan baik pulih sekolah dan pondok setiap tahun;
 - (ii) Menyediakan peruntukan elaun kepada guru-guru KAFA;
 - (iii) Perancangan pelaksanaan pembelajaran KAFA dalam tempoh 5 hari seminggu;
 - (iv) Penjenamaan semula Tadika Islam kepada Tadika Islam Mutiara MADANI dengan menyediakan beberapa insentif daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP);
 - (v) Menyediakan peruntukan kebajikan guru KAFA yang bersalin seperti insentif bantuan masyaqqah; dan

- (vi) Menyediakan tajaan kepada guru KAFA yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma dengan kerjasama Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

24. Apakah tindakan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri dalam menangani kesesakan trafik di simpang utama Jalan Sultan Azlan Shah - Sungai Dua yang menjadi laluan utama keluar masuk ke Batu Uban?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Tindakan jangka pendek dan panjang Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam menangani kesesakan trafik di Simpang Utama Jalan Sultan Azlan Shah - Sungai Dua adalah seperti berikut:

Jangka Pendek

- (i) Menambah baik sistem lampu isyarat di Jalan Sultan Azlan Shah - Sungai Dua dengan mengoptimumkan masa lampu isyarat berdasarkan isipadu kenderaan yang berubah dari semasa ke semasa. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan turut diperhebatkan melalui pengeluaran saman, mengapit dan menunda kenderaan yang menghalang kelancaran lalu lintas;
- (ii) Memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan strategik dan persimpangan utama. Sistem ini terbukti berkesan dalam meningkatkan tahap keselamatan, selain membantu dalam aspek pemantauan dan kawalan aliran trafik;
- (iii) Menyediakan laluan terus bagi pergerakan ke kiri dari Jalan Sungai Dua menuju ke Jalan Sultan Azlan Shah. Langkah ini

bertujuan melancarkan pergerakan kenderaan dan mengurangkan kesesakan di persimpangan berkenaan; dan

- (iv) Menggalakkan perkhidmatan *e-hailing* 'Kumpool' yang kini beroperasi di kawasan sekitar Universiti Sains Malaysia (USM) dan Batu Uban. Perkhidmatan ini memberi kemudahan kepada orang awam untuk bergerak dengan lebih cekap tanpa perlu memandu sendiri. Selain itu, perkhidmatan *Rapid On-Demand* (ROD) yang disediakan oleh Rapid Penang berfungsi sebagai penyambung laluan kepada sistem bas sedia ada, terutamanya di kawasan yang belum mempunyai akses kepada pengangkutan awam dalam radius tiga kilometer.

Jangka Panjang

- (i) Melaksanakan projek menaiktaraf simpang tersebut. Permohonan untuk menaiktaraf persimpangan ini telah diangkat kepada Kementerian Kerja Raya dan telah diluluskan dibawah projek Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Rolling Plan Ke-5 (RP5) oleh Kerajaan Persekutuan. Status semasa bagi projek ini adalah sedang dalam peringkat kajian awal rekabentuk oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia dimana ianya juga akan melibatkan jajaran laluan LRT Mutiara di kawasan tersebut;
- (ii) Pembinaan jajaran LRT baharu yang akan dibina berhampiran persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah - Sungai Dua. Projek ini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan trafik di mana penggunaan pengangkutan awam akan meningkat; dan
- (iii) Mensyaratkan pembangunan baharu di kawasan Jalan Sultan Azlan Shah - Sungai Dua dan Batu Uban menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang mencukupi seperti penaiktarafan jalan raya, persimpangan, laluan pejalan kaki, dan pembinaan hentian bas yang lebih selesa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

25. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan skim pembiayaan atau insentif khusus untuk membantu usahawan kecil di Batu Uban yang berhadapan dengan cabaran modal untuk mengembangkan perniagaan mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang ialah satu skim berbentuk pinjaman perniagaan terbuka kepada usahawan-usahawan mikro dan kecil di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuklah usahawan di kawasan Batu Uban.

SPH menawarkan pinjaman tanpa cagaran dengan jumlah pinjaman antara RM5,000.00 sehingga RM50,000.00 dan tempoh pinjaman bagi skim 1 dan skim 2 adalah empat (4) tahun. Ini merupakan usaha Kerajaan Negeri dan Penang Development Corporation (PDC) untuk membantu usahawan Pulau Pinang dalam mengembangkan perniagaan mereka dengan mengambil manfaat daripada pinjaman yang ditawarkan.

Berdasarkan rekod PDC, terdapat lima (5) orang peminjam SPH di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Uban seperti perincian di **LAMPIRAN A** dengan jumlah pinjaman sebanyak RM115,000.00.

LAMPIRAN A**SENARAI PEMINJAM SKIM PINJAMAN HARAPAN (SPH) DI DUN BATU UBAN**

BIL	DUN	NAMA	JENIS PERNIAGAAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1	Batu Uban	Farman Bin Zamin	Pakaian	25,000.00
2	Batu Uban	Abdul Faizal Bin Abdul Jabbar	Makanan/Minuman	15,000.00
3	Batu Uban	Gooi Nel Shen	Makanan/Minuman	25,000.00
4	Batu Uban	Nazlina Binti Abdul Jabbar	Makanan/Minuman	25,000.00
5	Batu Uban	Julian Kow Chie Liang	Barang Runcit	25,000.00
JUMLAH (RM)				115,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

26. Apakah inisiatif terbaru Kerajaan Negeri untuk melibatkan belia dalam bidang sains, teknologi dan keusahawanan sosial?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Pihak PYDC telah melaksanakan beberapa usaha untuk meningkatkan pendedahan golongan belia dalam bidang sains, teknologi dan keusahawanan sosial. Antaranya termasuk

- (a) **Jelajah Belia 2024: Sembang Santai** yang diadakan pada 20 Januari 2025 di Kampung Baru Alma. Pihak PERDA Tech telah membuat pameran untuk mempromosikan kursus yang ditawarkan oleh mereka dalam bidang kejuruteraan, teknologi automotif, teknologi fesyen kreatif, teknologi komputer dan sebagainya. Program ini telah memanfaatkan seramai 138 orang belia.

- (b) **Jelajah Belia 2024: Ihya Ramadan Ikram** yang diadakan pada 8 Mac 2024 di Sekolah Menengah Islam Al-Ikram. Pihak Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam yang menawarkan pelbagai kursus teknikal dan vokasional yang mengintegrasikan elemen STEM dalam latihan mereka telah memberi perkongsian bagi peserta sekalian. Program ini telah memanfaatkan seramai 85 orang belia.

- (c) **Jelajah Belia 2024: Konvoi Balik Pulau** yang diadakan pada 26 Mei 2024 di sekitar kawasan Balik Pulau. Peserta konvoi telah membuat lawatan ke GIATMARA Balik Pulau dan memahami bidang teknologi dan kemahiran serta kursus yang ditawarkan oleh mereka yang berkaitan dengan STEM dan TVET. Program tersebut telah memanfaatkan seramai 43 orang belia.
- (d) **Jelajah Belia Ihya Ramadan 2025: Ziarah Ramadan @Tasek Gelugor** yang diadakan pada 22 Mac 2025 di Dewan Muhibbah Merbau Kudong. Pihak Vitrox College telah dijemput untuk membuat perkongsian kepada para belia atas program *K-Youth* TVET yang memberi peluang meningkatkan kemahiran dalam bidang sains dan teknologi serta peluang pekerjaan di industri semikonduktor. Program ini telah memanfaatkan seramai 65 orang peserta.
- (e) Melalui pihak PYDC, seramai 16 orang pelajar keusahawanan dari Politeknik Seberang Perai telah menyertai pameran jualan sebagai usahawan sosial sempena *Malaysia Urban Forum* dan *World Habitat Day 2024* pada 6 Oktober 2024 yang diadakan di Armenian Park, George Town.
- (f) **Kursus Transformasi Perniagaan Digital** dengan kerjasama Think City yang akan diadakan dalam bulan Mei 2025 di Pusat Belia Batu Kawan untuk membantu memperkasakan usahawan dan pemilik perniagaan dengan strategi yang komprehensif dalam membantu membina perniagaan yang berjaya.
- (g) **Pertandingan Keusahawanan Belia (YEC)** Tahun 2025 dan 2026 dengan kerjasama pejabat YB Dato' Rashidi Zinol, EXCO Perdagangan, Keusahawanan Dan Luar Bandar akan dilaksanakan secara berperingkat, iaitu peringkat daerah dan peringkat negeri. Pertandingan ini adalah sebagai platform untuk memberi peluang keusahawanan kepada golongan belia khususnya di Pulau Pinang.
- (h) Pihak PYDC turut bantu membuat hebahan tentang peluang melanjutkan pelajaran ke National Changhua University of Education Taiwan bagi jurusan *International Master Program In Engineering* dan *International program for Master of Science*

in Materials and Biological Technology, and Science Education kepada golongan belia di Pulau Pinang melalui media sosial.

- (i) Dengan kerjasama Dell Technologies, seramai 15 orang pelajar dari Politeknik Balik Pulau telah mendapat peluang untuk menyertai **Latihan On-Site “Develop with Dell”** pada 24 hingga 28 Jun 2024 bagi tujuan memperkasakan golongan belia dengan kemahiran IT dan digital.

Selain itu, usaha meningkatkan pendedahan belia dalam bidang Sains, Teknologi dan Keusahawanan Sosial diteruskan melalui Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP). Antaranya adalah program berkaitan yang dianjurkan oleh JBPP.

- (i) JBPP Pulau Tikus: **Beginners Website Development Workshop** pada 28 Januari 2024 dan memanfaatkan seramai 15 orang peserta;
- (ii) JBPP Pengkalan Kota: **Phyton Experience Class** pada 21 April 2024 dengan penyertaan seramai 30 orang peserta;
- (iii) JBPP Pengkalan Kota: **Japanese Mathematic Class** pada 20 April 2024 dengan penyertaan seramai 30 orang peserta;
- (iv) JBPP Padang Kota: **Bengkel Google Workspace Belia** Padang Kota pada 10 November 2024 dengan penyertaan seramai 30 orang peserta;
- (v) JBPP Pulau Tikus: **Penang 2030 Innovation Bootcamp** pada 9 & 10 November 2024 dengan penyertaan seramai 40 orang peserta;
- (vi) JBPP Bagan Dalam: **3D Printing Workshop** pada 29 November 2024 dengan penyertaan seramai 40 orang peserta; dan
- (vii) JBPP Bagan Dalam: **Basic Drone Handling Skills Training** akan dianjurkan pada 27 April 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

27. Masalah pekerja kontrak staf Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah pekerja MBPP yang masih dalam tempoh kontrak.
 - (b) Berikan sebab mengapa kebanyakan pekerja yang telah bekerja lama tidak diserap sebagai pekerja tetap.
 - (c) Apakah perancangan MBPP bagi staf-staf yang masih di bawah kontrak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Berdasarkan data terkini pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), jumlah pekerja MBPP bertaraf kontrak yang masih dalam tempoh perkhidmatan adalah seramai 414 orang.
- (b) Sebab-sebab pegawai dan kakitangan MBPP bertaraf kontrak yang masih dalam tempoh kontrak tidak dapat diserap ke jawatan tetap adalah seperti berikut:
- (i) Tiada kelulusan waran perjawatan tetap daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
 - (ii) Tiada kekosongan jawatan bertaraf tetap bagi tujuan penyerapan pegawai dan kakitangan MBPP bertaraf kontrak;

- (iii) MBPP perlu melaksanakan proses *trade-off* jawatan sedia ada yang tidak relevan bagi memberi ruang mendapatkan waran jawatan tetap; dan
- (iv) Kakitangan bertaraf kontrak tidak memiliki syarat minimum akademik seperti yang ditetapkan dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Perancangan MBPP buat masa ini adalah mengkaji semula jawatan bertaraf tetap yang sudah tidak relevan di MBPP untuk proses *trade-off* waran perjawatan tetap bagi tujuan penyerapan pegawai dan kakitangan MBPP bertaraf kontrak. Walau bagaimanapun proses *trade-off* ini adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

28. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah pusat kesihatan komuniti atau klinik kesihatan di Batu Uban bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri buat masa kini tidak mempunyai perancangan pembinaan klinik baharu di Batu Uban memandangkan telah terdapat dua (2) klinik kesihatan (KK) yang sedia ada di kawasan tersebut iaitu KK Sungai Dua Timur Laut dan KK Bukit Jambul. Namun begitu, usaha penambahbaikan kemudahan sedia ada akan dilaksanakan dari masa ke masa. Sebagai contoh, KK Bukit Jambul telah dinaik taraf pada 2023 untuk mengurangkan kesesakan di klinik.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) akan terus memantau keperluan fasiliti kesihatan baru berdasarkan pertumbuhan populasi dan permintaan perkhidmatan. Kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan lain akan diteruskan dalam memperkukuhkan infrastruktur kesihatan demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

29. Senaraikan kuil-kuil yang terletak di tanah persendirian atau rizab kerajaan.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu kuil-kuil tersebut menyelesaikan isu perselisihan tanah?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Senarai kuil-kuil yang terletak di tanah persendirian atau rizab kerajaan dalam sistem eRibi adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri boleh membantu menyelesaikan isu perselisihan tanah kuil dengan mengambil langkah seperti menasihati pihak persatuan bagi memohon pemberimilikan atau pajakan jangka panjang untuk kuil yang sah berdaftar, mengiktiraf kuil lama sebagai tapak warisan budaya atau keagamaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan mengadakan rundingan bersama RIBI untuk menggalakkan pendaftaran kuil dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan membantu memudahkan proses pemantauan dan pengesahan hak milik secara rasmi.

LAMPIRAN A**SENARAI KUIL DALAM SISTEM ERIBI
MENGIKUT KATEGORI GUNA TANAH DI NEGERI PULAU PINANG**

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
1	KUIL SREE MAHA MARIAMMAN BUTTERWORTH	Persendirian
2	KUIL SRI SITHI VINAYAGAR BUTTERWORTH	Kerajaan
3	KUIL DEWA SREE SELVA VINAYAGAR BUKIT MERTAJAM	Persendirian
4	KUIL DEWA SRI MAHA MUNISWARAR & DEWI MAHA ANGGALA PARAMESVARY BUTTERWORTH	Persendirian
5	KUIL SRI KALIAMMAN SANGILIKARUPPAN BUTTERWORTH	Kerajaan
6	KUIL SHREE GANGATHARAN SHIVA PERUMAN, BUTTERWORTH	Persendirian
7	KUIL SREE PERIACHIAMAN BUTTERWORTH	Persendirian
8	KUIL SRI NAGAKANNI BUTTERWORTH	Persendirian
9	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN KEPALA BATAS	Persendirian
10	KUIL SRI SITI VINAYAGAR DEVASTHANAM KEPALA BATAS	Kerajaan
11	KUIL SRI MAHAMARIAMMAN DEVASTHANAM TASEK GELUGOR	Persendirian
12	RUMAH BERHALA SRI MUNEESSWARASWAMI DEVASTHANAM	Kerajaan
13	KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN SG PUYU	Persendirian
14	RUMAH BERHALA SRI MUTHU MARIAMMAN SUNGAI PUYU BUTTERWORTH SEBERANG PERAI	Kerajaan
15	SRI MURUGAN PARIBALANA AVAI KAMPONG BAHRU MAK MANDIN	Kerajaan

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
16	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI GURU RAGHAVENDIRAR	Kerajaan
17	PUSAT SABARIMALA SRI AYAPAN SEVASHRAM PULAU PINANG	Persendirian
18	KUIL SREE SAIVA MUNISWARAR ALAYAM BUTTERWORTH	Persendirian
19	KUIL DEWA SRI ARULMINGU BALASUNDRA SELVA VINAYAGAR BUTTERWORTH	Kerajaan
20	KUIL DEWA SRI SAIVA MUNISWARAR BUTTERWORTH	Persendirian
21	SRI RADHA KRISHNA KANHAIYA TEMPLE OF DEVOTION & UNDERSTANDING (TODU) SEBERANG JAYA	Persendirian
22	ARULMIGU SRI BALA MURUGAN SEBERANG JAYA	Persendirian
23	KUIL SRI NAGAMUTHU MARIAMMAN BUTTERWORTH	Persendirian
24	KUIL HINDU SRI MUNISWARAR SUNGAI PERAI	Persendirian
25	KUIL HINDU KADARKARAI SRI KASI VISWANATHER, PRAI	Persendirian
26	KUIL ARULMIGU KARUMARIAMMAN SEBERANG JAYA	Persendirian
27	KUIL SRI KALIKAAMBAL TAMAN INDERAWASIH	Persendirian
28	KUIL MADURAI VEERAN, KAMPUNG BUKIT MERAH PERMATANG PAUH	Persendirian
29	KUIL SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN JADA MUNISWARAR PENANTI	Kerajaan
30	KUIL SRI SITHI VINAYAGAR SIVAN ALMA	Kerajaan
31	KUIL SRI MEENATCHI AMMAN PULAU PINANG	Kerajaan
32	KUIL DEWA SREE MATHURAI VEERAN JALAN KULIM	Kerajaan
33	KUIL SRI THESIA MUNESWARAR ALAYAM BUKIT MERTA JAM	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
34	KUIL SHREE MUNISWARAR SHIVAN VARAHI BUKIT MERTAJAM	Kerajaan
35	SHRI MAHA MANGALANAYAGI AMMAN DEVASTHANAM (2020) JALAN KULIM BUKIT MERTAJAM	Kerajaan
36	KUIL SHREE MUNISWARAR SHIVAN VARAHI ALAYAM BUKIT MERTAJAM	Persendirian
37	KUIL THAVA MUNISWARAR, TAMAN SRI KIJANG	Persendirian
38	SRI MAHA MARIAMMAN DEVASTHANAM ALMA BUKIT MERTAJAM	Persendirian
39	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI DHARMA MUNISWARAR PERMATANG SENA PERMATANG TINGGI BUKIT MERTAJAM	Persendirian
40	KOVIL SUNGURUMBAI NATTUKOTTAI CHETTIARS SRI THENDAYUTHAPANI BUKIT MERTAJAM	Kerajaan
41	PERSATUAN KEBAJIKAN SHRI AMMAN SEBERANG PERAI	Kerajaan
42	SRI SELVA VINAYAGAR HINDU PARIPALANA DEVASTHANAM, PRAI	Persendirian
43	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SREE MAHA MARIAMMAN SEBERANG PERAI SELATAN	Persendirian
44	KUIL SRI MUNISWARAR SEBERANG PERAI TENGAH	Persendirian
45	DEWI SRI NAGAKANNI AMMAN AALAYAM LORONG SENANGIN 15 PERUMAHAN TNB PERAI	Persendirian
46	PERSATUAN PENGANUT SRI MUNISWARAR TAMAN INDERAWASIH PERAI	Kerajaan
47	KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN JURU BUKIT MERTAJAM	Persendirian
48	KUIL HINDU ARULMINGU SRI JADA MUNISWARAR BUKIT TENGAH	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
49	KUIL SRI AKNI MUNISWARAR PERMATANG TINGGI	Kerajaan
50	KUIL SRI MANGALA NAYAGI AMMAN BUKIT TENGAH	Persendirian
51	KUIL SREE MAHA DEVI KARUMARIAMMAN TAMAN MANGGA, JURU	Kerajaan
52	KUIL SRI GANESH SUNGAI BAKAP	Kerajaan
53	KUIL SRI MAHA MUTHALAMMAN BUKIT TAMBUN	Persendirian
54	PERTUBUHAN HARE KRSNA ASHRAM MALAYSIA	Kerajaan
55	KUIL DEWI SRI KARUMARIAMMAN, KAMPUNG VALDOR	Kerajaan
56	KUIL ARULMIGU SRI MAHA MUNISWARAN HOSPITAL SUNGAI BAKAP	Persendirian
57	KUIL SRI DEWI KARUMARIAMMAN SUNGAI JAWI	Persendirian
58	KUIL DEVA SRI THIRUTHANI KALYANA MURUGAN NIBONG TEBAL	Persendirian
59	KUIL SRI SITHI VINAYAGAR DEVASTHANAM NIBONG TEBAL	Persendirian
60	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN DEVASTANAM NIBONG TEBAL	Kerajaan
61	KUIL DEWI SREE VEERAPATHIRA MAHA KALIAMMAN BAGAN AJAM	Kerajaan
62	KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN LADANG JAWI	Kerajaan
63	KUIL DEWI SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN, LADANG CHANGKAT	Kerajaan
64	KUIL ARULMIGU DEWI SRI MAHA KALIAMMAN ALAYAM LADANG KRIAN, NIBONG TEBAL	Kerajaan
65	PERTUBUHAN SARATH MEIYARANGAM, NIBONG TEBAL	Kerajaan
66	KUIL MARIAMMAN LADANG SEMPAH	Kerajaan
67	DEWI ARULMIGU ANNAI MAHA ARAIKASI AMMAN KUIL PULAU PINANG	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
68	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI PUTTHU NAGAKANNI AMMAN SIMPANG AMPAT	Persendirian
69	KUIL DEWA SRI MAHA SIVA MUNISWARER SUNGAI BAKAP	Kerajaan
70	KUIL DEWI SRI MAHA KARUMARI KULATHAMBAL SIMPANT AMPAT	Kerajaan
71	KUIL DEWI SRI MAHAMARIAMMAN, SIMPANG AMPAT	Kerajaan
72	KUIL SREE MAHA BATHRAKALIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
73	KUIL SRI MUNISWARAR BATU FERINGGI	Persendirian
74	KUIL SRI NAAGA MUNISVARAN PULAU PINANG	Persendirian
75	KUIL HINDU DEWI SRI KARUMARIAMAN PULAU PINANG	Persendirian
76	KUIL HINDU KADALORA SRI BATHRAKALIAMMAN ALAGAM PULAU PINANG	Kerajaan
77	PENGANUT DEWASRI VEERAMAKALIAMMAN, TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG	Kerajaan
78	KOVIL SRIMAHA MARIAMMAN, TANJONG BUNGA, PULAU PINANG	Persendirian
79	SRI SAKTHI VINAYAGAR KOVIL PULAU PINANG	Persendirian
80	ARULMIGU SRI SIVASAKTHI AYAPPA SWAMY PULAU PINANG	Persendirian
81	KUIL SRI ALUVANG MUNEESWARAR, MOUNT PLEASURE	Persendirian
82	PERTUBUHAN PENGANUT DEWI SREE MAHA BATRAKALIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
83	KUIL SRI VAZHIKATTUM MUNISWARAR	Persendirian
84	KUIL SRI MAHA MARIAMMAN, TANJUNG BUNGAH	Persendirian
85	KUIL SRI ARULOLI THIRUMURUGAN PULAU PINANG	Persendirian
86	ARULMIGU SRI RUTHRA VEERAMUTHU MAHA MARIAMMAN DEVASTHANAM PULAU PINANG	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
87	KUIL HINDU SRI NAGAATHAMAN PULAU PINANG	Persendirian
88	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI ARULMIGU NAGA KALISWARY AMMAN TMN CANTIK HYE KEAT	Persendirian
89	KUIL SRI MAHA MUNISWARAR JALAN POKOK SENA, AYER ITAM	Persendirian
90	RUMAH BERHALA KAHLEE AMA	Kerajaan
91	KUIL SRI THARMA MUNISWARAR, JALAN LINTANG	Kerajaan
92	KUIL AYIRA VAISIYAR SRI MEENAKSHI SUNDARESWARAR, KEBUN BUNGA	Kerajaan
93	PERSATUAN PENGANUT DEVI SRI MAHA KALIAMMAN JALAN BATU GANTONG	Kerajaan
94	KUIL SHREE MUNISWARAR JALAN AIR TERJUN	Persendirian
95	KUIL SRI AGORA BATRAKALIAMMAN MOUNT ERSKINE	Persendirian
96	KUIL NATTUKOTTAI CHETTIARS THANNEERMALAI PULAU PINANG	Persendirian
97	KUIL SRI MALAI MUNISWARAR MOUNT ERSKINE	Kerajaan
98	SRI AATHI MUNEESWARAR TEMPLE	Persendirian
99	KUIL SRI MUNISWARAN, JALAN KELAWAI	Persendirian
100	KUIL ARULMIGU THANNEERMALAI SHREE BALATHANDAYUTHAPANI DEVASTHANAM (HILLTOP)	Kerajaan
101	KOIL SRI MUNISWARAR LEBUHRAYA CODRINGTON	Persendirian
102	PERSATUAN PENGANUT DEWI SREE MAHA MARIAMMAN LENGKOK ERSKINE, PULAU PINANG	Kerajaan
103	KUIL SRI MUNEESWARAR, JALAN TANJONG TOKONG PULAU PINANG	Persendirian
104	THANNERMALAI SRI AYYAPPAN SWAMY TEMPLE	Kerajaan
105	ARULMIGU SREE GANESHAR TEMPLE	Kerajaan
106	KUIL SRI KRISHNA KUNJ BIHARI MANDIR PULAU PINANG	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
107	QUEEN STREET ARULMIGU SRI MAHA MARIAMMAN KOVIL	Persendirian
108	KUIL AYYA PADANG KOTA LAMA	Persendirian
109	KUIL DEWA SRI AYAPPAN SEVA SAMAJAM, JALAN SRI BAHARI	Persendirian
110	ARULMIGU SRI MAHA MOTTAI GOBURAM MUNISWARAR ALAYAM PULAU PINANG	Kerajaan
111	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI AYAPPAN PULAU PINANG	Kerajaan
112	SRI MAHA SAKTHI MUNEESSWARAR JAIBHAVANI DEVASTHANAM PENKALAN WELD PULAU PINANG	Persendirian
113	KUIL DEWA SHREE MADURAVEERAN THEEVASTANAM, HUTTON LANE, PULAU PENANG	Kerajaan
114	KUIL SHREE MAHA LETCHUMI LEBUH MACALLUM	Persendirian
115	PERSATUAN PENGANUT DEWI ARULMIGU SRI RAJA KALIAMMAN SP CHELLIAH	Kerajaan
116	KUIL NAGARATHAR SIVAN PULAU PINANG	Persendirian
117	ARULMIGU SRI KAMATCHI AMMAN DEVASTHANAM PULAU PINANG	Persendirian
118	DEWA SRI VAZHI VIDUM MURUGAN	Persendirian
119	SRI DHARMA MUNESWARAR ALAIYAM	Persendirian
120	KUIL SRI MUTHU MARIAMMAN LORONG KULIT	Persendirian
121	SRI SIVASAKTHI TEMPLE, JALAN AIR ITAM	Kerajaan
122	KUIL NADUTHURAI SRI DEVI KARUMARIAMMAN PULAU PINANG	Kerajaan
123	KUIL SRI RAMAR PULAU PINANG	Persendirian
124	KUIL DEWI SRI MUTHU MARIAMMAN & DEVA SADA MUNIRWARAR SOLOK YORK	Persendirian
125	KUIL DEWA ARULMIGU ASTAMBAR DARMA MUNISWARAR PULAU PINANG	Persendirian
126	KUIL ARULMIGU SRI RAJA MADURAI VEERAN PULAU PINANG	Persendirian
127	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI RADA MUNISWARAR PULAU PINANG	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
128	KUIL SRI RAJA MARIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
129	KUIL SRI MARUTHUVAR MUNISWARAR	Persendirian
130	KUIL HINDU BHAGAWAN SRI RAMAKRISHNA JALAN SCOTLAND	Persendirian
131	SRI MUNISWARAR TEMPLE, JALAN JKR SUNGAI PINANG	Kerajaan
132	KUIL ARULMIGU SREE SAKTHI MUTHU MARIAMMAN ALAYAM PULAU PINANG	Kerajaan
133	KUIL SHREE KAMATHCHI AMMAN PULAU PINANG	Persendirian
134	KUIL SREE KUMBA MUNEESWARAR PBA	Persendirian
135	SRI RAJA MAARIAMMAN KOVIL KAMPUNG JALAN BARU PINANG	Persendirian
136	KUIL HINDU DEWI SRI MAHA VEERAPATRA KALIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
137	KUIL SRI VEERAMAKALIAMMAN, LORONG IPOH	Persendirian
138	SRI JADA MUNISWARAR TEMPLE, JALAN PERAK	Persendirian
139	KUIL BUKIT DUMBAR SRI ATHI BHAGAWATHI AMMAN THIRUCHALAM	Persendirian
140	KUIL SRI RANGANATHA SWAMI MADALAYAM BUKIT DUMBAR	Kerajaan
141	RUMAH BERHALA DEWA SRI SAIVA MUNEESWARAR PULAU PINANG	Kerajaan
142	KUIL SRI MUNEESWARAR JALAN TENGGU KUDIN	Persendirian
143	KUIL SRI POOMARATHAMMAL GELUGOR	Persendirian
144	KUIL SRI MUNEESWARAR SWAMI TEMPLE SEVALATHOTAM PULAU PINANG	Persendirian
145	KALLU MALAI SRI JADA MUNISWARAR TEMPLE CANGKAT TEMBAGA	Kerajaan
146	PUSAT SATHYA SAI BABA GELUGOR	Persendirian
147	RUMAH BERHALA SRI POOMARATHAMMAL	Persendirian
148	KUIL SRI VEERAMA KALIAMMAN DEVASTHANAM, GELUGOR	Kerajaan

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
149	KUIL HINDU SRI PERIYACHI AMMAN AIR ITAM	Persendirian
150	KUIL SRI DHARMA MUNISWARAR PULAU PINANG	Kerajaan
151	KUIL ROKKUMALAI SRI MUNISWARAR BATHRAKALIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
152	KUIL SRI VALLAMPURI VINAYAGAR PORRVEERAN KARUMARIAMMAN PULAU PINANG	Persendirian
153	KUIL SRI VALIKATUM VEERA KALI MUNISWARAN PULAU PINANG	Persendirian
154	PERSATUAN PENGANUT DEWA ARULMIGU OM SHAKTHI MUNISWARAR PULAU PINANG	Persendirian
155	PUSAT NED SATHYA SAI BABA PULAU PINANG	Persendirian
156	KUIL ARULMIGU PARAKKALLU SRI MUNISWARAR	Kerajaan
157	KUIL SRI DHARMA MUNISWARAN, PAYA TERUBONG	Kerajaan
158	KUIL DEWI SRI KARUMARIAMMAN FARLIM	Persendirian
159	KUIL SREE KRISHNA BAHAVAN, SUNGAI DUA	Kerajaan
160	KUIL SWAMIMALAI SRI MUNISWARAR ALAYAM	Kerajaan
161	KUIL SRI VEERA KALIAMMAN BATU UBAN PULAU PINANG	Persendirian
162	KUIL SRI NAGAKANNI AMMAN, LORONG ENDAH TAMAN BROWN	Kerajaan
163	ARULMIGU SRI SIVA SUBRAMANIAR MADURAI VEERAR KUIL	Persendirian
164	KUIL DEWA SRI MUNEESVARAR SUNGAI DUA (SRI JADA MUNESWARAR ALAYAM)	Persendirian
165	KUIL SRI VISHWANATHER VISALATCHI AMMAN	Persendirian
166	KUIL ARULMIGU SUBRAMANIYAR MUNIWARAN	Kerajaan
167	KUIL SRI VEERAMUTHU MAHA MARIAMMAN SG TIRAM	Persendirian

BIL	NAMA KUIL	KATEGORI GUNA TANAH
168	KUIL DEWA SRI MADURAI VEERAN SWAMY KOLAM IKAN BAYAN LEPAS PULAU PINANG	Kerajaan
169	VELLAIPALA ARULMIGU SRI MUNEESSWARAR DEVASTHANAM	Persendirian
170	KUIL SRI BATHRA KALIAMMAN	Kerajaan
171	PERTUBUHAN PENGANUT SRI MUNISWARAR MUTHUMARIAMMAN DEVASTHANAM, KG. BAROH, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Persendirian
172	THENDAYUTHAPANI MUTHUMAARIAMMAN CHETTIAR TEMPLE (V.T.M CHETTIARS TEMPLE)	Persendirian
173	KUIL ARULMIGU MANALMEDU SRI MAHA MUTHU MARIAMMAN	Persendirian
174	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI ADIMALAI MUNISVARAR, BALIK PULAU	Kerajaan
175	KUIL SRI SINGAMUGA KALIAMMAN TELOK BAHANG PULAU PINANG	Persendirian

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(IV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

30. Apakah langkah strategik kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia yang tidak meneruskan pengajian ke peringkat tinggi, khususnya dalam sektor kemahiran, teknologi dan ekonomi gig?
- (a) Berikan data kadar pengangguran bagi tahun 2024 sehingga kini.
 - (b) Nyatakan jumlah *Roadshow* Kerjaya yang diadakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan beberapa langkah strategik bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan belia yang tidak meneruskan pengajian ke peringkat tinggi, khususnya dalam sektor kemahiran, teknologi dan ekonomi gig. Antara inisiatif utama termasuk penubuhan Pusat Bantuan Kerjaya dan Bakat Pulau Pinang atau ***Penang CAT Centre*** yang berperanan sebagai pusat sehenti (one stop centre) bagi membantu pencari kerja mendapatkan maklumat kerjaya, latihan dan peluang pekerjaan. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menganjurkan program seperti Karnival Keusahawanan dan Kerjaya Pulau Pinang 2024 (3KPP24) yang menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti bengkel mewarna batik, fotografi dan pameran kerjaya serta Karnival Kerjaya *MYFutureJobs* Pulau Pinang 2024 yang menyediakan platform bagi belia berinteraksi secara langsung dengan majikan.

- (a) Berdasarkan data tenaga buruh, kadar pengangguran di Pulau Pinang bagi tahun 2024 menunjukkan trend yang stabil dan

agak rendah berbanding negeri lain, iaitu pada kadar purata 2.0%. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) negeri juga mencatatkan peningkatan kepada 73.2% pada suku keempat 2024, menunjukkan lebih ramai individu, terutamanya golongan belia, telah memasuki pasaran buruh. Tambahan lagi, pada tahun yang sama, Negeri Pulau Pinang merekodkan pelaburan pembuatan yang diluluskan sebanyak RM17.3 bilion melibatkan 182 projek, sekali gus menawarkan hampir 16,254 peluang pekerjaan baharu.

- (b) Sepanjang tahun 2024, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama pihak swasta telah menganjurkan beberapa program kerjaya bagi membuka peluang pekerjaan kepada belia. Antara program utama yang dilaksanakan termasuk 3KPP24 yang menawarkan pelbagai aktiviti seperti bengkel dan pameran kerjaya. Selain itu, Karnival Kerjaya *MYFutureJobs* Pulau Pinang telah melibatkan lebih 60 majikan dengan sekitar 5,000 kekosongan jawatan, manakala Karnival Kerjaya Zon Utara menghimpunkan 23 syarikat besar. Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri yang berterusan dalam memperkasa belia melalui pelbagai platform kerjaya, di samping memacu pembangunan sektor digital, hijau dan teknologi pintar untuk memastikan tenaga kerja kekal relevan, berdaya saing dan berpotensi mencipta kejayaan dalam pasaran buruh yang semakin dinamik.